KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	12.02.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	UMUM			

Penggunaan bakakuk ancam haiwan liar dilindungi

Putrajaya: Penularan senjata api popular Borneo membabitkan senapang bakakuk bagi tujuan kegiatan memburu binatang secara haram di Semenanjung Malaysia boleh menjadi ancaman kepupusan haiwan liar dilindungi.

Penyelidik Universiti Malaysia Terengganu dan Felo Akademi Sains Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Tajuddin Abdullah berkata, berdasarkan pengalamannya, senjata api buatan sendiri itu pernah dijual di Kelantan semurah RM60 hingga RM100 selaras satu ketika dahulu.

Menurutnya, senjata api ini sememangnya digunakan untuk aktiviti memburu haiwan liar di hutan oleh golongan pemburu haram.

"Walaupun penggunaan bakakuk atau senjata api buatan sendiri ini dilarang namun ia masih digunakan penduduk luar bandar untuk memburu.

"Asalnya ia popular sekitar 80-an digunakan untuk menjaga tanaman daripada serangan binatang liar namun kegunaannya kerap disalah guna.

"Buktinya berpuluh kes mangsa dalam kalangan manusia mati akibat ditembak senjata api ini. Ia bukan mainan, tetapi boleh meragut nyawa terutama jika dikendalikan individu yang tiada asas berkaitan senjata api," katanya.

Pada 25 Januari lalu, seorang lelaki berusia 30-an diberkas polis di Felda Serting, Jempol, Negeri Sembilan selepas dikesan memiliki dua laras senapang buatan sendiri.

Ia bukan mainan, tetapi boleh meragut nyawa terutama jika dikendalikan individu yang tiada asas berkaitan senjata api"

Dr Mohd Tajuddin Abdullah

Suspek mendakwa belajar membuat senapang angin itu dari YouTube menggunakan barangan terpakai seperti batang besi, pam racun, kayu dan pam tayar.

Dia turut menggunakan bebola besi sebagai peluru.

Dalam satu lagi kes berasingan, dua lelaki diberkas pihak Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bersama penguatkuasa Jabatan Perhutanan Johor dan anggota polis Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi Johor di Felcra Dusun Panti, Kota Tinggi, Johor, pada jam 11 malam kelmarin.

Difahamkan pihak berkuasa bertindak menggeledah rumah kongsi di kawasan itu yang disyaki turut menjalankan aktiviti pemburuan haram.

Seorang lelaki tempatan berusia 40-an serta seorang lelaki warga Indonesia berusia 30-an ditahan sebelum pihak berkuasa menemui selaras senjata api Bakakuk buatan sendiri selain lapan butir peluru hidup.

